

# PM kesal lawatan PDRM ditaja syarikat loteri

UM-16/2/2019 M/S: 4

**KUALA LUMPUR 15 Feb.** - Perdana Menteri, Tun Dr. Mahathir Mohamad menyifatkan tidak wajar lawatan Polis Diraja Malaysia (PDRM) diketuai Ketua Polis Negara, Tan Sri Mohamad Fuzi Harun ke Turki ditaja oleh syarikat loteri, Da Ma Cai.

Namun, beliau bersetuju bahawa lawatan tersebut mempunyai tujuan yang bagus.

Dr. Mahathir juga menyatakan bahawa tajaan oleh syarikat loteri itu berlaku ketika kerajaan terdahulu memerintah.

“Lawatan itu berlaku ketika sebelum kami (Pakatan Harapan) memerintah. Lawatan itu bagus, tetapi tidak wajar ditaja oleh Da Ma Cai,” katanya dalam sidang akhbar di Yayasan Albukhary di Taman Tasik Perdana di sini hari ini.

Yang turut hadir dalam sidang akhbar itu ialah Presiden Parti Pribumi Bersatu Malaysia (Bersatu), Tan Sri Muhyiddin Yassin dan Timbalan Presidennya, Datuk Seri Mukhriz Mahathir.

Beliau diminta mengulas isu lawatan PDRM ke Turki yang

didakwa ditaja oleh Da Ma Cai sehingga menimbulkan pelbagai reaksi negatif pelbagai pihak.

Rabu lalu, Menteri Kewangan, Lim Guan Eng menjelaskan, lawatan PDRM itu telah ditaja oleh syarikat loteri Da Ma Cai dan diluluskan oleh Lembaga Totalisator iaitu sebuah agensi pengurusan perjudian lumba kuda di bawah Kementerian Kewangan.

Sementara itu, Tun Dr. Mahathir juga berkata, kerajaan akan mengkaji gesaan Hakim Mahkamah Rayuan, Datuk Dr. Hamid Sultan Abu Backer supaya Suruhanjaya Siasatan Diraja (RCI) ditubuhkan bagi menyiasat salah laku dalam badan kehakiman.

Perdana Menteri berkata, mana-mana cadangan untuk menubuhkan RCI perlu dikaji terlebih dahulu dan beliau tidak berada dalam kedudukan untuk mengeluarkan pandangan mengenai perkara itu.

Beliau diminta mengulas gesaan Hamid yang mendakwa terdapat hakim tertentu membantu pihak swasta untuk menipu kerajaan.